

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HKT 302/NSK 012 Kesusasteraan dan Disiplin Bantu

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Teori mimesis (peniruan) Plato telah melahirkan pelbagai konsepsi tentang sastera di dalam aliran-aliran soiologi sastera. Bincangkan. Dengan merujuk kepada pandangan Aristotle dan Goldmann khususnya, perlihatkan bagaimana konsep seni Plato itu sebenarnya kurang tepat untuk mencirikan sastera.
2. Mengikut pemikiran Marxisme "seni sebagai ideologi tidak mempunyai kebebasan". Bincangkan dengan merujuk kepada dasar-dasar estetika Marxisme dan pandangan Fischer tentang teori asal-usul seni.
3. Dari perspektif psikologikal (Freud) dan "genetic structuralism" (Goldmann), seni merupakan satu kaedah pengarang menyesuaikan dirinya dengan realiti. Bincangkan dengan merujuk kepada teori sublimasi Freud dan pemikiran Goldmann tentang sifat-sifat universal manusia.
4. Freud menyatakan "seni adalah pemuas pengganti, dan ia hanyalah satu ilusi dalam kontras dengan realiti". Bincangkan pernyataan Freud ini bagi kepentingan khusus kesusteraan.

.../2

5. Freud meletakkan neurosis menjadi pusat perhatian dalam pembicaraan penciptaan karya seni. Keadaan itu membuat masalah estetika -- suatu unsur sentra karya seni -- terabaikan. Bincangkan.
6. Falsafah perennial membicarakan tiga aspek utama, iaitu metafizikal, psikologikal dan etikal. Bicarakan hubungan ketiga-tiga unsur tersebut dengan "perjalanan kerohanian" yang terdapat dalam Devine Comedy ataupun Hikayat Shah Mardan.
7. Prinsip dasar falsafah eksistensialisme adalah kebebasan individu. Huraikan pemikiran Nietzsche dan Kierkegaard tentang Tuhan dan maut sehubungan dengan kebebasan individu. Berilah contoh-contoh pemikiran eksistensialisme ini dalam Orang Terasing (Albert Camus) ataupun karya-karya Iwan Simatupang.
8. Dari sudut falsafah ada dikatakan bahawa sastra mempunyai manfaat moral yang mendasar dan pengarang adalah pembawa visi moral. Jelaskan pernyataan ini dalam hubungan sastra dan falsafah. Dengan merujuk karya-karya tertentu, bincangkan.

-oooo000ooo-